

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
**[ GOMBAK ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini konsesi-konsesi "marginal oil field" kepada syarikat-syarikat minyak berdasarkan konsep Risk Service Contract (RSC) mengikut harga pasaran minyak semasa.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam keadaan harga pasaran minyak semasa, syarikat-syarikat minyak yang terlibat di dalam pembangunan "*marginal oil field*" berdasarkan konsep *Risk Service Contract (RSC)* masih lagi beroperasi walaupun menikmati margin yang lebih kecil berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Penganugerahan setiap RSC adalah unik di antara satu sama lain berdasarkan kepada faktor-faktor yang pelbagai, termasuk jenis "*marginal oil field*" yang akan diusahakan, pengkhususan kerja-kerja teknikal yang diperlukan, keadaan ekonomi semasa, dan keupayaan syarikat-syarikat yang berminat untuk menawarkan keadah pembangunan yang lebih berinovatif dengan kadar kos yang kompetitif.